



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
KALI KE-230 BIL. 37/ 2026

**KETETAPAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN BAGI PROGRAM MOBILITI DAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BADAN PELAJAR**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk serta Pemakluman Pentadbiran dan Operasi Kali Ke-228 Bil. 35/2026 yang dikeluarkan pada 5 Ogos 2026 adalah berkaitan. Berikut adalah penjelasan mengenai ketetapan penggunaan peruntukan seperti berikut:

A. PROGRAM MOBILITI

1. Dimaklumkan bahawa bagi program mobiliti yang telah dirancang untuk dilaksanakan pada sesi semasa tetapi terpaksa ditangguhkan ke sesi hadapan atas sebab-sebab yang kukuh dan munasabah, penganjur boleh mengemukakan permohonan rayuan kepada Akademi ADAB untuk pertimbangan penggunaan peruntukan yang telah diperuntukkan bagi sesi semasa.
2. Permohonan tersebut hendaklah dikemukakan secara *case-by-case* dan tertakluk kepada pertimbangan serta kelulusan pihak Akademi ADAB. Kelulusan adalah berdasarkan antara lain kepada justifikasi penangguhan, keperluan program serta komitmen kewangan yang telah dibuat dalam sesi semasa. Pengemukakan permohonan rayuan tidak boleh dianggap sebagai kelulusan secara automatik untuk menggunakan peruntukan sesi semasa bagi pelaksanaan program pada sesi hadapan.
3. Bagi permohonan yang dipertimbangkan, semua proses dan komitmen berkaitan perbelanjaan **hendaklah telah dilaksanakan dalam sesi semasa dan diselesaikan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2026**, termasuk urusan pembelian tiket, tempahan pengangkutan, penginapan atau apa-apa urusan kewangan lain yang berkaitan dengan program.
4. Sehubungan itu, penganjur yang terlibat hendaklah mengemukakan permohonan rayuan kepada Akademi ADAB selewat-lewatnya pada 21 Ogos 2026 untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan.

5. Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan berserta justifikasi yang jelas berhubung penangguhan program dan dokumen pembuktian bahawa komitmen atau transaksi kewangan berkaitan program telah dibuat dalam sesi semasa. Dokumen sokongan hendaklah merangkumi, jika berkaitan, bukti pembelian tiket penerbangan/pengangkutan, invois, resit pembayaran, bukti tempahan atau dokumen kewangan lain yang berkaitan.
6. Hanya permohonan yang mempunyai komitmen kewangan yang telah dibuat dan dapat dibuktikan, serta memenuhi justifikasi penangguhan yang munasabah, akan dipertimbangkan secara *case-by-case* oleh pihak Akademi ADAB.

B. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) BADAN PELAJAR

1. Bagi pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Badan Pelajar pada sesi baharu, segala perbelanjaan berkaitan hendaklah menggunakan peruntukan yang diperuntukkan bagi sesi baharu tersebut, tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan serta ketetapan kewangan dan pengurusan aktiviti pelajar yang sedang berkuat kuasa.
2. Sehubungan itu, baki atau peruntukan daripada sesi terdahulu tidak boleh dianggap sebagai peruntukan automatik untuk membiayai pelaksanaan AGM pada sesi baharu.
3. Pihak Badan Pelajar hendaklah merancang pelaksanaan AGM berdasarkan tarikh pembukaan penawaran aktiviti bagi semester berkenaan serta memastikan segala perancangan dan komitmen kewangan dibuat dalam lingkungan peruntukan sesi baharu yang tersedia.
4. Ketetapan ini dibuat bagi memastikan pengurusan peruntukan Akademi ADAB dilaksanakan secara terancang, berhemah dan terkawal, selaras dengan keperluan pengurusan kewangan semasa serta memastikan setiap perbelanjaan dibuat berdasarkan keperluan dan kemampuan peruntukan yang tersedia.

Kerjasama dan perhatian semua pihak dalam mematuhi ketetapan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Tarikh: 20 Ogos 2026